



**HISHAMMUDDIN** Tun Hussein bersama Johan Kategori Bahasa Melayu dari Universiti Sains Islam Malaysia pada Pertandingan Debat Piala Perdana Menteri 2011 di UIAM, Gombak, semalam.



**PASUKAN UiTM** (dari kiri) Mohd. Syafiq Ahmed Bazari, Mohd. Airie Rasmond Rahman, Aln Aissa Mohammad dan Maizura Mokhsien bersama piala selepas dinobatkan Juara Kategori Bahasa Inggeris Pertandingan Debat Piala Perdana Menteri 2011 di UIAM, Gombak, semalam.

# USIM, UiTM juara Debat Piala Perdana Menteri

**Oleh AZRAI MOHAMMAD**  
azrai.mohammad@utusan.com.my

**KUALA LUMPUR** 25 Okt. - Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) dan Universiti Teknologi Mara (UiTM) muncul juara kali pertama Pertandingan Debat Piala Perdana Menteri 2011 (PPM) pada pusingan akhir yang berlangsung di Universiti Islam Antarabangsa Ma-

laysia (UIAM) di sini, hari ini. USIM menjuarai Kategori Bahasa Melayu sementara UiTM pula dalam Kategori Bahasa Inggeris.

Pendebat USIM yang terdiri daripada Ummu Umairah Azahari, Mohd. Ikhwani Mohd Rosseli, Mohamad Shah Izad Saleh dan Mohammad Irhamuddin Ibrahim telah berjaya membawa pulang wang tunai RM25,000, piala dan sijil penyertaan.

Hadiah yang sama turut diterima oleh pendebat UiTM yang diwakili oleh Maizura Mokhsien, Mohd. Airie Rasmond Rahman, Mohd. Syafiq Ahmed Bazari dan Ain Aissa Mohammad.

Manakala naib juara Kategori Bahasa Melayu ialah UiTM dan UIAM bagi Kategori Bahasa Inggeris. Masing-masing membawa pulang wang tunai RM15,000, piala dan sijil

penyertaan. Pertandingan itu juga menyaksikan pendebat USIM serta UiTM, Mohd. Ikhwani dan Mohd. Syafiq dipilih sebagai pendebat terbaik yang melayakkan mereka membawa pulang RM2,000.

Majlis penyampaian hadiah disampaikan oleh Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Hishammuddin Tun Hussein mewakili Perdana Men-

teri, Datuk Seri Najib Tun Razak.

Ketua pendebat UiTM, Maizura, 21, berkata, kejayaan yang diperoleh pasukannya adalah disebabkan mereka sering mengangap perdebatan sebagai gaya hidup dan bukannya aktiviti kokurikulum.

"Oleh itu, setiap pertandingan yang kami sertai akan sentiasa ada peningkatan," katanya ketika ditemui selepas majlis itu di sini, hari ini.

Debat PPM yang pertama kali dianjurkan disertai 44 institusi pendidikan tinggi. Debat ini berlangsung selama lima hari bermula 25 Oktober lalu.

Sebelum ini, PPM hanya diadakan pada peringkat Sekolah Berasrama Penuh (SBP) sejak 1974. PPM 2011 adalah anjuran MyHarapan dengan kerjasama Kementerian Pendidikan Tinggi dan UIAM.

TARIKH: 25 10 11



**KATEGORI BAHASA INGGERIS**

**JOHAN**

RAYAN :

PERTANDINGAN

PERAT